

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 1/2003**

=====

BAYARAN PREMIUM SECARA ANSURAN

1. **TUJUAN:**

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan dan memberi garis panduan kepada semua Pentadbir Tanah mengenai keputusan Pihak Berkuasa Negeri pada 13 November, 2002 mengenai bayaran premium secara ansuran.

2. **LATAR BELAKANG:**

Memandangkan keadaan ekonomi negara masih belum pulih sepenuhnya maka Kerajaan Negeri yang prihatin terhadap masalah yang dihadapi oleh pemilik atau pemaju tanah untuk menjelaskan premium secara sekaligus telah membuat dasar baru dimana pemilik atau pemaju tanah dibenarkan membuat bayaran premium secara ansuran mengikut tempoh-tempoh yang ditetapkan.

3. **KAEDAH PEMBAYARAN ANSURAN:**

- 3.1. Permohonan bayaran premium secara ansuran hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pentadbir Tanah Daerah yang berkenaan.
- 3.2. Pentadbir Tanah diminta menetapkan tarikh bayaran dan amaun bayaran yang perlu dibuat mengikut bilangan ansuran yang ditetapkan. Bayaran ansuran dibuat mengikut jadual berikut :-

Jumlah Premium	Bilangan Ansuran
Kurang dari RM 100,000.00	Sekaligus
RM 100,000.00 hingga kurang dari RM 300,000.00	3 kali
RM 300,000.00 hingga kurang dari RM 1,000,000.00	4 kali
RM 1,000,000.00 hingga kurang dari RM 3,000,000.00	5 kali
RM 3,000,000.00 hingga kurang dari RM 5,000,000.00	7 kali
RM 5,000,000.00 dan ke atas	8 kali

- 3.3. Bayaran premium ansuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 18 bulan atau mengikut baki tempoh yang ada dari tarikh borang 5A dikeluarkan bagi pemberimilikan tanah dan 24 bulan atau mengikut baki tempoh yang ada dari tarikh borang 7G dikeluarkan bagi tukar syarat tanah.
- 3.4. Sekiranya melibatkan permohonan daripada pemohon yang telah diluluskan atau ditolak rayuan pengurangan premium, tempoh bayaran premium ansuran hendaklah dijelaskan dalam tempoh 12 bulan atau mengikut baki tempoh yang ada dikira dari tarikh borang 5A/7G yang telah dikeluarkan setelah permohonan rayuan diputuskan. Tambahan tempoh selama 9 bulan pula hendaklah dibuat secara pentadbiran sahaja.
- 3.5. Jika permohonan diterima selepas tempoh luput mengikut borang 5A atau 7G, permohonan tidak layak ditimbang untuk bayaran ansuran. Sekiranya pemohon masih berminat untuk memiliki atau membangunkan tanah tersebut, pemohon bolehlah memohon semula untuk pemberimilikan atau membuat permohonan timbang semula bagi tukar syarat tanah.

- 3.6. Pentadbir Tanah hendaklah menyediakan bil bayaran mengikut amaun yang ditetapkan dan mencatatkan no. kod premium 73604 setiap kali ansuran perlu dijelaskan dan dihantar kepada pemohon.
- 3.7. Bayaran ansuran hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil di bawah kod premium 73604. Contoh jika kutipan dibuat pada bulan Januari maka ianya hendaklah dimasukkan ke dalam Akaun Hasil bulan Januari.
- 3.8. Bayaran balik boleh dibuat kepada pemilik tanah atau pemaju yang gagal menjelaskan bayaran premium sepenuhnya mengikut tempoh yang ditetapkan dengan menolak 10% daripada jumlah yang telah dibayar. Bayaran boleh dibuat dengan menggunakan peruntukan Perbendaharaan Negeri di bawah peruntukan Bayaran Balik Hasil. Permohonan hendaklah dibuat kepada Pegawai Kewangan Negeri dengan melampirkan sama dokumen-dokumen sokongan seperti resit Perbendaharaan, Penyata Pemungut, Bank in slip dan surat-surat pembatalan sebagai dokumen sokongan.
- 3.9. Hakmilik atau endosan hakmilik akan didaftarkan setelah premium dijelaskan sepenuhnya dalam tempoh yang ditetapkan.
- 3.10. Pentadbir Tanah hendaklah menyatakan tempoh, tarikh dan jumlah bayaran ansuran secara bertulis kepada pemohon.
- 3.11. Pentadbir Tanah hendaklah menyelenggara rekod-rekod berkaitan bayaran premium secara ansuran dengan teratur mengikut pemilik dan tempoh bayaran seperti format di Lampiran A. Di samping itu Pentadbir Tanah hendaklah membuat pemantauan bagi memastikan bayaran dibuat sepenuhnya mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

4. **TARIKH KUATKUASA**

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh pekeliling ini dikeluarkan.

5. **PEMAKAIAN**

Pekeliling ini terpakai kepada permohonan-permohonan yang dikemukakan pada atau selepas keputusan dibuat oleh Pihak Berkuasa Negeri pada 6 November 2002 dan tidak terpakai kepada permohonan-permohonan yang telah luput tempoh bayaran premium mengikut borang 5A atau 7G.

T.T

(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)

Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Bertarikh: 14 April 2003

NHT/zah/(Pek. PTG- Diskett A)

LAMPIRAN A

NAMA :

DAERAH :

NOMBOR FAIL :

MUKIM :

NOMBOR HAKMILIK :

LOT/PT :

JENIS (i) **PEMBERIMILIKAN TANAH (BULAN)**

(ii) **TUKAR SYARAT TANAH (BULAN)**

(iii) **RAYUAN PREMIUM (BULAN)**

TEMPOH ANSURAN :

AMAUN :

TARIKH KELULUSAN :

TARIKH BAYARAN	TARIKH DIBANKKAN	NOMBOR RESIT JABATAN	NOMBOR RESIT PERBENDAHARAAN	BAKI